

13/10/1997

BN Sabah terima tindakan Adib

Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Ahad - Badan Perhubungan Umno Negeri menerima tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nabawan, Datuk Adib Sigoh, 'melompat' ke Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dengan hati terbuka berasaskan semangat setiakawan dalam Barisan Nasional (BN).

Bagaimanapun, parti itu berharap perbuatan seumpama itu tidak lagi berlaku pada masa akan datang demi menjaga hubungan rapat dan perpaduan yang sedia terjalin di kalangan parti komponen BN.

Pengerusinya, Datuk Osu Sukam, berkata perbuatan itu sewajarnya menjadi renungan kepada semua pucuk pimpinan parti komponen BN untuk mengeratkan lagi perpaduan berasaskan etika dan semangat setiakawan yang sebenar.

"Semalam, Presiden PBRS, Datuk Joseph Kurup sudah memberi penjelasan kepada pucuk pimpinan Umno dan kami menerima penjelasan itu."

"Di samping itu, Umno turut memberi pandangan iaitu yang penting ialah memahami perasaan kalangan parti komponen," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini.

Osu yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, berkata Umno melihat peristiwa itu sebagai memberi peluang kepada pucuk pimpinannya untuk menilai diri mereka sendiri daripada menuding jari kepada orang lain.

Beliau berkata, ini bagi membolehkan kajian dibuat sama ada mereka juga menjadi sebahagian daripada punca ia berlaku.

Menurutnya, Umno tidak akan mencari alasan untuk melindungi diri sendiri kerana ia sudah berlaku, sebaliknya melihat kedudukan parti itu sebagai komponen terbesar BN Negeri pada masa akan datang.

"Kita menerima kenyataan Adib dengan senang jika ia benar-benar bertujuan mengukuhkan kedudukan BN di Bahagian Pedalaman."

"Bagaimanapun, kita tidak melayan saranan pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) yang cuba mengambil kesempatan daripada peristiwa itu untuk melonggarkan hubungan sesama parti komponen BN dengan mengeluarkan pendapat sudah tiba masanya undang-undang anti-lompat dikuatkuasakan di negeri ini," katanya.

Sementara itu, mesyuarat Badan Perhubungan Umno semalam sebulat suara mengambil ketetapan menyokong penuh Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk terus memimpin negara.

Osu berkata, Umno Sabah juga mengutuk sekeras-kerasnya kegiatan yang dirancang pelbagai pihak khususnya daripada luar negara untuk memperkecil-kecilkan kewibawaan negara ini.

"Sehubungan itu, kami terus berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan yang ada sekarang dan yakin Dr Mahathir mampu mengatasi krisis matawang yang berlaku sekarang dengan baik."

"Malah, kami berbangga dengan sokongan yang ditunjukkan oleh rakyat negara ini kepada Dr Mahathir termasuk di kalangan parti pembangkang. Ia jelas menunjukkan rakyat negara ini mengamalkan sikap kemerdekaan yang tinggi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Osu berkata Umno kini sudah bersedia bersama parti komponen BN lain untuk menjalankan pilihan raya percubaan kali kedua, bermula hari ini sehingga 1 November.

Pilihanraya percubaan yang bermula di Tawau hari ini akan dilakukan mengikut daerah sehingga 1 November depan.

Osu berkata, ia bertujuan menguji jentera BN iaitu dengan menentukan mekanisme parti selari dengan parti komponen BN lain supaya masing-masing

dapat mengenal pasti tugas serta kelemahan yang dihadapi ketika pilihan raya.

"Ia bakal menjadi simbol semangat kerjasama dalam BN serta dapat menentukan ujian sama ada jentera parti sentiasa berada dalam keadaan bersiap sedia," katanya.

(END)